

03/04/2002

Keganasan tiada kaitan perjuangan kemerdekaan (HL)

agopal; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Perwakilan Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan bersetuju takrifan keganasan tidak harus mengaitkan perjuangan sesebuah negara yang sedang menentang penjajahan atau mengambil tindakan bagi mencapai kemerdekaan.

Persetujuan itu sejajar dengan piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menentang sebarang bentuk penjajahan dan penindasan terhadap sesebuah negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, perkara itu antara kandungan Deklarasi Kuala Lumpur yang akan disahkan pada hari terakhir sesi khas itu, esok.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbarinya tengah hari ini selepas mengadakan pertemuan berasingan dengan perwakilan ICFM pada hari kedua sesi khas itu.

Dalam taklimatnya petang ini pula, beliau yang mempengerusikan sesi khas tiga hari itu bermula semalam berkata, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga tidak pernah menakrif perjuangan rakyat Palestin sebagai tindakan keganasan.

"Kami sentiasa menyokong perjuangan Palestin dan melihatnya sebagai perjuangan bagi menegakkan negara Palestin yang merdeka.

"Laporan yang mengaitkan perjuangan Palestin sebagai satu bentuk keganasan adalah tidak benar," katanya merujuk laporan media Barat yang memutarbelitkan isu itu yang disentuh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada perasmian sesi khas itu, semalam.

Sesi khas itu yang dipelopori Malaysia dalam usaha mencari kata sepakat dunia Islam berhubung isu keganasan, disertai wakil 54 anggota OIC.

Syed Hamid menegaskan ucapannya Perdana Menteri pada sesi khas itu seharusnya dihayati sepenuhnya dan bukan membuat kesimpulan berdasarkan satu ayat saja.

Menteri Luar Iran, Kamal Kharrazi, juga tidak bersetuju dengan pendapat media Barat bahawa serangan pengebom berani mati sebagai aksi keganasan kerana perbuatan itu dilakukan selepas semua usaha lain bagi menarik perhatian dunia terhadap masalah di Asia Barat menemui jalan buntu.

Beliau berkata, rakyat Palestin berhak melakukan serangan balas terhadap tentera Israel dan perjuangan itu tidak wajar ditafsirkan sebagai kegiatan penganas, seperti yang dilakukan kumpulan tertentu dalam serangan 11 September lalu di Amerika Syarikat.

Katanya, pendekatan yang dilakukan pejuang Palestin juga tidak bermaksud untuk membalas dendam, sebaliknya dilakukan kerana tiada jalan lain dapat dirumus kerana Israel masih tidak memberi kerjasama bagi menyelesaikan isu itu secara aman.

"Tindakan penduduk Palestin menyerang tentera Israel adalah untuk mempertahankan kawasan milik mereka dan ini tidak wajar ditafsirkan sebagai kegiatan penganas," katanya.

Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi pula menegaskan pemimpin Palestin Yasser Arafat dan Pihak Berkuasa Palestin tidak dapat menghalang kebangkitan untuk menentang tentera Israel yang menduduki wilayah mereka.

"Anda tidak boleh menghalang orang ini selagi musuh mereka berada di bandar dan pekan mereka. Bagaimana kita boleh menghalang mereka ini yang adik beradik atau anak mereka mati syahid.

"Semua orang kini telah menjadi penentang dan pejuang kebebasan," katanya yang berlepas pulang, petang ini. Beliau yang mengetuai delegasi

Palestin ke ICFM, turut mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir, pagi ini.

Menyentuh hal yang sama, Menteri Keadilan dan Hak Asasi Manusia Indonesia Dr Yusril Ihza Mahendra berkata persepsi Barat yang mengaitkan tindakan pengebom berani mati Palestin sebagai keganasan tidak tepat sekiranya kejadian itu dilakukan di tanah air Palestin.

"Kami tidak bersetuju dengan pandangan sebegitu. Jika letupan berani mati itu dilakukan di Palestin, itu tidak boleh dikategorikan sebagai kegiatan pengganas," katanya.

Mengenai saranan Iraq berhubung penggunaan minyak sebagai senjata untuk memaksa Amerika Syarikat menekan Israel, Yusril berkata perkara itu perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana keadaan dunia sekarang jauh berbeza berbanding tahun 70-an semasa negara Arab mengenakan sekatan minyak sehingga melumpuhkan Barat.

Indonesia juga adalah salah satu daripada anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

Kharrazi pula berkata, Iran tidak menolak kemungkinan menyokong saranan Iraq sekiranya proses damai tidak mencapai sebarang kemajuan.

Bagaimanapun beliau menegaskan keputusan itu seboleh-bolehnya perlu dielakkan kerana ia hanya meningkatkan permusuhan dan menyebabkan persengketaan terus berpanjangan.

Sementara itu, Menteri Luar Iraq Dr Naji Sabri Ahmed Al-Hadeithy apabila ditanya mengenai keberkesanan menggunakan minyak sebagai senjata berkata, semua negara Arab yang mengeluarkan minyak berhak merumuskan dasar untuk menggunakannya sebagai senjata untuk memaksa Israel meninggalkan wilayah Arab yang didudukinya dan menghentikan kekejaman terhadap rakyat Palestin.

Beliau berkata kempen ketenteraan Israel bukan saja mengancam keamanan dan keselamatan di Asia Barat tetapi juga di seluruh dunia Arab.

Terdahulu, Syed Hamid dalam sidang akhbar sebelum sesi petang bermula, berkata sebuah jawatankuasa peringkat menteri OIC akan ditubuhkan bagi menangani permasalahan berkaitan keganasan yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia.

Jawatankuasa itu antara lain dipertanggungjawab merumuskan tindakan yang perlu diambil negara Islam berhubung sesuatu isu keganasan yang membabitkan umat Islam.

Beliau berkata, jawatankuasa itu juga diberi mandat mengadakan interaksi dengan badan antarabangsa lain seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) dan Kesatuan Eropah bagi membincangkan isu serta usaha menangani keganasan antarabangsa.

Penubuhan jawatankuasa itu adalah sebahagian Pelan Tindakan Bersepadu yang terkandung dalam draf Deklarasi Kuala Lumpur.

Syed Hamid berkata penubuhan jawatankuasa itu bertujuan merealisasikan resolusi serta cadangan yang dikemukakan pada sesi khas ini.

Jawatankuasa itu akan dianggotai 11 menteri luar OIC, termasuk wakil negara anggota dari setiap rantau.

"Ia bukan jawatankuasa yang mengetepikan sidang kemuncak OIC atau ICFM. Ia hanya membolehkan kita menyediakan syor dan cadangan," katanya.

Syed Hamid berkata, Deklarasi Kuala Lumpur juga antara lain mengandungi iltizam negara Islam untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi mendapatkan persetujuan mengenai isu keganasan, terutama berhubung takrif.

(END)